

## Sumbangan Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) Dalam Memartabatkan Seni Khat di Brunei Darussalam: Kajian Awal

Muhd Abdul Afiq bin Muhd Sahari  
Calon Doktor Falsafah Sejarah dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam,  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali,  
Negara Brunei Darussalam

Vol.4, Issue 1 | January 2021

### KATA KUNCI

Seni Khat, Brunei Darussalam, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB)

### ABSTRAK

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) merupakan sebuah institusi yang membantu dalam mengukuhkan lagi syiar Islam melalui ilmu seni Islam di Brunei Darussalam. Kajian ini akan membincangkan mengenai definisi seni khat, seni khat dalam Islam, sejarah ringkas perkembangannya, usaha kerajaan dalam memperkembangkannya dan sumbangan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB). Kajian ini juga bertujuan untuk mengetengahkan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) sebagai sebuah pusat yang berperanan sepenuhnya dalam memartabatkan seni Islam terutama seni khat dan rekabentuk Islam. Pengkaji menggunakan metod kepustakaan, temubual dan tinjauan lokasi untuk mencapai objektif-objektif tersebut. Berdasarkan hasil kajian, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) telah menandatangani memorandum persefahaman, melaksanakan kursus, bengkel, pameran, pertandingan; memberikan perkhidmatan dan menubuhkan galeri sebagai usaha dalam memartabatkan lagi seni khat di negara ini. Hasil kajian juga mendapati bahawa pusat ini telah berjaya melahirkan rakyat yang berkemahiran sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 terutama dalam bidang seni Islam; dan mendokong aspirasi negara untuk menjadi sebuah Negara Zikir.

### KEYWORDS

Calligraphy, Brunei Darussalam, Islamic Calligraphy and Art Study Center Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### ABSTRACT

Islamic Calligraphy and Art Study Centre Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah is a center that helps to strengthen Islam through Islamic art knowledge in Brunei Darussalam. This study will discuss the definition of calligraphy, calligraphy in Islam, its brief history in Brunei Darussalam, government's effort to spread it and the contributions of Islamic Calligraphy and Art Study Centre Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. This study aims to highlight the Islamic Calligraphy and Art Study Centre Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah as a center that fully serves in upholding Islamic art especially Islamic calligraphy and design. Researcher uses literature review, interview and location review to achieve the objectives. Based on the results of the study, Islamic Calligraphy and Art Study Centre Yayasan Sultan Haji

---

Hassanal Bolkiah has signed memorandum of understanding (MOU), has been conducting courses, workshops, exhibitions, competition; providing services and established gallery as an effort in upholding Islamic calligraphy in this country. The findings also found that Islamic Calligraphy and Art Study Centre Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah has managed to produce a skilled people in line with the Brunei Vision 2035 especially in the field of Islamic art; and support the country aspirations to become Negara Zikir.

## Pengenalan

Kesenian Islam merupakan hasil karya ciptaan manusia berteraskan ciri-ciri Islam dan mengkajinya akan menjurus kepada memahami dan menghayati kehalusan seni yang terdapat di dalam sesebuah tamadun Islam. Seni khat merupakan pelengkap kepada ketamadunan Islam yang mana seni khat telah menjadi sumber penulisan utama dalam mushaf al-Quran semenjak zaman perkembangan Islam sehingga kini. Tidak dinafikan bahawa seni khat merupakan khazanah yang masih dimiliki oleh umat Islam dan berkembang seiring dengan perkembangan Islam terutama yang berkaitan dengan da'wah dan ilmu Islam. Dalam konteks negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam, pelbagai usaha telah dilaksanakan di dalam memartabatkan seni khat. Satu daripadanya ialah dengan tertubuhnya Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang berfungsi sebagai sebuah institusi pengajian yang bertanggungjawab melahirkan tenaga pakar dari kalangan belia Islam tempatan dalam bidang seni Islam khususnya seni mushaf, seni khat dan seni hiasan Islam. Di samping itu, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) juga berfungsi untuk memartabatkan tulisan Jawi sebagai identiti bangsa Melayu dan melahirkan rakyat yang berkemahiran sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 dalam membangun sebuah Negara Zikir.

## Definisi Seni Khat

Dari segi bahasa, perkataan seni membawa maksud kebolehan menciptakan sesuatu atau hasil daripada sesuatu ciptaan.<sup>1</sup> Manakala khat berasal daripada perkataan Arab iaitu *khattun* bererti tulisan, tulisan tangan atau kaligrafi yang mana kata akarnya ialah *khatta* yang membawa maksud menulis, menggambar atau mengukur.<sup>2</sup> Secara umumnya,

perkataan khat lebih dikenali sebagai kaligrafi yang merupakan penyederhanaan daripada kata *calligraphy*<sup>3</sup> yang membawa maksud tulisan tangan yang cantik.<sup>4</sup> Manakala perkataan kaligrafi pula berasal daripada perkataan Yunani iaitu *kalios* yang bererti indah dan *graphia* yang bermaksud tulisan atau coretan.<sup>5</sup>

Manakala dari segi istilah, Makmur Haji Harun menyatakan bahawa seni khat apabila sudah dituliskan di atas benda apa sahaja, maka ianya akan melahirkan teks tulisan yang sangat terkesan makna dan kedalaman ertinya dalam unsur kerohanian sehingga dapat memberikan nilai estetik<sup>6</sup> unik dan bernilai suci.<sup>7</sup> Menurut pandangan Ibrahim Ibn Muhammad Al-Shaibani, khat merupakan lidahnya tangan, kecantikan rasa, penggerak akal, penasihat fikiran, senjata pengetahuan, perekat persaudaraan ketika bertikai dan pembincang ketika berjauhan, pencegah segala keburukan dan khazanah pelbagai masalah kehidupan. Begitu juga dengan Yaqut al-Musta'simi, seni khat merupakan suatu tulisan akan disebut indah bila karya tersebut memancarkan pengaruh keindahannya kepada hati, jiwa dan fikiran, seperti pengaruh dakwah yang dipantulkan dari lukisan kaligrafi indah. Dalam erti kata lain, khat adalah seni arkitek rohani yang lahir melalui alat kebendaan.<sup>8</sup> Selain itu, seni khat juga boleh dianggap sebagai seni yang merangkumi pengetahuan

---

Baalbaki. (2012). *Al-Mawrid*. Cetakan Dua Puluh Empat. Beirut: Dar El-Ilm lilmayalin. Hlm. 514.

<sup>3</sup> Makmur Haji Harun. (2015). *Dinamika Perkembangan Seni Khat Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Restu (Malaysia) dan LEMKA (Indonesia)*. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hlm. 2.

<sup>4</sup> Maurice Waite. (1994). *The Little Oxford Dictionary*. Seventh Edition. Oxford: Clarendon Press. P. 82.

<sup>5</sup> Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejagat*. Cetakan Ketiga. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. Hlm. 1.

<sup>6</sup> Keindahan atau kecantikan dan penghayatan tentang keindahan atau kecantikan.

<sup>7</sup> Makmur Haji Harun. (2015). *Dinamika Perkembangan Seni Khat Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Restu (Malaysia) dan LEMKA (Indonesia)*. Op. Cit. Hlm. 3.

<sup>8</sup> Rujuk: *Ibid*. Hlm.3.

---

<sup>1</sup> Arbak Othman. (2005). Kamus Komprehensif Bahasa Melayu. Cetakan Pertama. Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd. Hlm. 700.

<sup>2</sup> Muhammad Mansur Hamzah. (2012). *Qomusika*. Cetakan Pertama Mesir: Cairo. Hlm. 580-581 dan Dr. Rohi

manusia dengan hasil seni yang diungkapkan melalui nilai kebenaran yang kekal abadi.<sup>9</sup>

Dalam konteks yang lebih khusus, Qalqashandi menyatakan bahawa seni khat ialah perkara (ilmu atau seni) yang dapat diketahui daripadanya ciri-ciri huruf, kedudukan dan penyusunannya dalam tulisan.<sup>10</sup> Begitu juga dengan Sheikh Shamsuddin al-Akfani, khat (kaligrafi) adalah suatu ilmu yang memperkenalkan bentuk-bentuk huruf tunggal, letak-letaknya dan cara merangkainya menjadi sebuah tulisan yang tersusun atau apa yang ditulis di atas garis-garis, bagaimana cara menuliskannya dan menentukan mana yang tidak perlu ditulis, mengubah ejaan yang perlu digubah dan menentukan cara bagaimana untuk mengubahnya.<sup>11</sup>

### Seni Khat Dalam Islam

Pada hakikatnya, Islam sangat mementingkan dan menitik-beratkan aspek yang berkaitan dengan keilmuan. Dengan itu, Islam menyuruh umatnya belajar membaca dan menulis dalam banyak ayat-ayat Al-Quran. Surah yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi Wasallam menyebut mengenai kepentingan membaca dan peranan penting pena sebagai alat untuk menulis. Tulisan merupakan perkara terpenting dalam segala kegiatan ilmiah. Kepentingan mengenai peranan tulisan telah dapat dirasakan sejak zaman awal Islam lagi yang mana penulisan amat bermanfaat untuk kehidupan dunia dan akhirat.<sup>12</sup>

Secara umum, sebahagian daripada kandungan yang terdapat di dalam surah al-'Alaq menyebutkan mengenai perintah Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia untuk membaca dan menulis kerana kedua-duanya adalah jalan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan menyebarkannya di kalangan manusia. Dengan ilmu pengetahuan, manusia menjadi makhluk yang istimewa berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain<sup>13</sup> sebagaimana firman

Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah al-'Alaq ayat satu hingga lima:

عَلَّقِ مِنَّا الْإِنْسَانَ خَلَقَ الَّذِي رَبِّكَ بِأَسْمِ آقْرَأَ  
بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الَّذِي الْأَكْرَمُ وَرَبِّكَ آقْرَأَ  
يَعْلَمُ لَمَّا الْإِنْسَانَ عَلَّمَ

Terjemahannya: Bacalah (wahai Nabi Muhammad) dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku, Bacalah, dan Tuhanmu Maha Pemurah, Yang mengajar (manusia menulis) dengan qalam (pena), Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.<sup>14</sup>

Dalam dunia Islam, seni khat tidak hanya dilihat sebagai ekspresi seni sahaja tetapi merupakan suatu ekspresi dari simbol spiritual.<sup>15</sup> Oleh itu, seni khat merupakan seni yang paling mulia kedudukannya bagi masyarakat Islam kerana seni ini diberi penghormatan untuk menterjemahkan kalimat suci Al-Quran dalam bentuk tampak. Di samping itu, seni khat juga berjaya melahirkan kepelbagaian bentuk dan gaya yang begitu unik bagi mengisi citarasa estetika<sup>16</sup> serta keperluan manusia. Di mana sahaja tempat yang didatangi Islam, maka permata keindahan seni khat akan tersebar luas.<sup>17</sup>

Dari perspektif sejarah dan peradaban Islam, seni khat menggambarkan kehalusan seni dan ketamadunan yang tinggi. Peranan agung seni khat ialah apabila ia digunakan untuk menulis wahyu Allah Subhanahu Wata'ala bagi tatapan seluruh umat Islam yang mana menjadikan ia satu cabang seni dan ilmu yang tidak dapat dipisahkan dari al-Quran. Ini kerana seni khat menekankan aspek tauhid sama ada dari segi isi mahupun bentuknya bagi merujuk kepada kebenaran, pengucapan berbentuk geometri dan memancarkan keindahan.<sup>18</sup> Dalam erti kata lain, seni khat merupakan satu pendekatan melalui penulisan di dalam menyampaikan dakwah Islam terutama yang berkait dengan ayat-ayat al-Quran.<sup>19</sup>

Dalam pada itu, seni khat juga dapat dianggap sebagai zikir visual. Ini adalah berdasarkan kepada

<sup>9</sup> Prof. Madya Dr. Ruzaika binti Omar Basaree dan Hasnul Jamal bin Saidon. (2010). *Seni Khat Sebagai Satu Bentuk Zikir Visual*. Seminar Majlis Ilmu 2008. Hlm. 224.

<sup>10</sup> Rujuk: Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejagat. Op. Cit.* Hlm. 1.

<sup>11</sup> Rujuk: Islah Gusmian. (1424H/2003M). *Kaligrafi Islam; Dari Nalar Seni Hingga Simbolisme Spiritual*. Al-Jami'ah. Vol. 41. No. 1. Hlm. 109 dan Drs. D. Sirojuddin Ar. (1992). *Seni Kaligrafi Islam*. Pengantar; Prof. Drs. H. Ahmad Sadali. Cetakan Keempat. Bandung: PT Remaja Rosdakarya. Hlm. 3.

<sup>12</sup> Lihat: Dr. Haji Abd Rahman bin Haji Hamzah. (2016). *Institusi Seni Khat Dari Semenanjung Tanah Arab Ke Yayasan Restu*. Cetakan Pertama. Selangor: Kompleks Taman Seni Islam Selangor. Hlm. 17.

<sup>13</sup> (1435/2014). *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. Hlm. 1639.

<sup>14</sup> *Ibid.* Hlm. 1640.

<sup>15</sup> Lihat: Islah Gusmian. (1424H/2003M). *Kaligrafi Islam; Dari Nalar Seni Hingga Simbolisme Spiritual*. Al-Jami'ah. Vol.41. No.1. Hlm.126.

<sup>16</sup> Cabang falsafah yang berkaitan dengan prinsip keindahan dan citarasa seni.

<sup>17</sup> Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejagat. Op. Cit.* Hlm. 159.

<sup>18</sup> Prof. Madya Dr Ruzaika binti Omar Basaree dan Hasnul Jamal bin Saidon. *Seni Khat Sebagai Satu Bentuk Zikir Visual*. Seminar Majlis Ilmu 2008. Hlm. 224-225.

<sup>19</sup> Lihat: Makmur Haji Harun. (2015). *Dinamika Perkembangan Seni Khat Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Restu (Malaysia) dan LEMKA (Indonesia)*. Op. Cit. Hlm. 4.

gabungan penggunaan nama Allah, ayat-ayat suci dan doa melalui tulisan khat yang diulang beberapa kali dalam satu karya seni visual. Seni khat dengan elemen pengulangan ini merupakan ekspresi zikir visual kerana pembacaan dan kaitannya yang terus menerus dengan ayat-ayat Allah. Selain itu, zikir visual juga menekankan perkara-perkara yang menyentuh keesaan dan keagungan Tuhan yang berkait rapat dengan kegiatan berwirid. Selain daripada menggunakan bahasa suci, seni khat juga memaparkan gubahan (komposisi) tulisan serta lukisan yang amat indah. Seni khat yang berbentuk zikir visual mempunyai paduan erat di antara isi dan bentuk. Ini adalah disebabkan oleh sumber daripada al-Quran telah dijadikan inspirasi kerohanian dan nilai bentuk estetik yang menarik. Dengan itu, pembentukan abstrak dan seni khat yang dipengaruhi ajaran al-Quran boleh dianggap sebagai satu latihan zikir visual bagi renungan mencari ketuhanan yang menjangkau pengalaman manusia menerusi bentuk nyata.<sup>20</sup>

Manakala dalam sejarah kesenian Islam, seni khat tidak boleh disamakan dengan bentuk seni yang lain kerana ia mempunyai kaitan secara langsung dengan agama iaitu puncak seni yang dianggap suci.<sup>21</sup> Selain itu, seni khat menurut perspektif umat Islam ialah tulisan yang mempunyai kedudukan yang mulia dengan berkaitnya secara langsung dengan kitab suci Al-Quran. Kesungguhan umat Islam dalam seni khat semakin terserlah seiring dengan penyebaran Islam dimerata tempat. Semakin ramai orang Islam yang bukan sekadar hanya pandai menulis tetapi turut mampu menghasilkan tulisan yang begitu kemas dan indah.<sup>22</sup>

Pada dasarnya, Al-Quran merupakan sumber inspirasi kepada kreativiti khat. Sebagai tulisan Al-Quran, perkembangan seni khat sejak dari awal terus mendapat perhatian istimewa masyarakat Islam. Mushaf Al-Quran menjadi saksi kepada pencapaian seni khat masyarakat semasa kerana mushaf ditulis oleh tangan-tangan manusia yang paling cantik tulisannya sejak zaman berzaman. Pada hari ini, mushaf ditulis dari pelbagai zaman dan kerajaan masih boleh ditatap kerana ia dipamerkan di merata dunia. Ia ditulis oleh penulis khat yang paling hebat,

pada material yang paling berharga dengan ciri-ciri yang paling unik dan menarik.<sup>23</sup>

Dengan yang demikian menjelaskan bahawa seni khat merupakan satu cabang seni yang paling utama dan terpenting dalam kebudayaan Islam. Kepentingan seni khat dapat dilihat di merata tempat dalam dunia Islam dan peranannya amat ketara dalam perkembangan dunia Islam sehinggakan seni khat muncul dalam setiap cabang estetika dan pelbagai bahan yang boleh dibayangkan sebagai objek seni. Berdasarkan cerapan terhadap semua bentuk seni yang terdapat dalam masyarakat Islam, seni khat adalah seni yang paling kerap ditemui, paling penting peranannya, paling disanjung dan sentiasa dirujuk oleh orang Islam.<sup>24</sup>

### Sejarah Ringkas Seni Khat Di Brunei Darussalam

Daripada perspektif pensejarahan, perkembangan tulisan Arab telah menembusi dunia Islam lainnya termasuk ke Nusantara. Selain perkembangan tersebut, kedatangan dan pertapakan Islam di Nusantara telah membawa pengaruh penting yang dapat memperkayakan kesenian dan kebudayaan dalam masyarakat Islam itu sendiri. Satu pendekatan yang telah dilaksanakan ialah seni khat telah digunakan sebagai cara untuk menyampaikan dakwah dan mesej berunsur kebaikan.<sup>25</sup> Peradaban Arab-Islam tidak dinafikan telah memainkan peranan penting di Nusantara ini sama ada dari aspek keilmuan, kebudayaan, pemikiran, bahasa dan tulisan. Dalam bidang kesenian pula, Islam telah memainkan peranan besar dengan mengemukakan unsur-unsur baru dari aspek seni termasuklah seni bina, seni ukir dan seni khat. Secara umumnya, seni ukir Islam sering diselitkan dengan unsur seni khat.<sup>26</sup>

Berbanding dengan negara-negara Islam yang berada di Timur Tengah, seni khat di Nusantara ini tidak begitu menyerlah atau menonjol sebagai karya seni rupa kerana penerapan seni khat sebagai hiasan sangat terhad penggunaannya sebagai hiasan sahaja.<sup>27</sup> Walaubagaimanapun Sudarto telah

<sup>20</sup> Lihat: Prof. Madya Dr. Ruzaiqa binti Omar Basaree dan Hasnul Jamal bin Saidon. (2010). *Seni Khat Sebagai Satu Bentuk Zikir Visual*. Seminar Majlis Ilmu 2008. Hlm. 226-227.

<sup>21</sup> Lihat: Khairiah binti Mohammad, Khazri bin Osman dan Anuar bin Puteh. (2018). *Sejarah Perkembangan Seni Khat Dalam Kesenian Islam di Nusantara*. Fikiran Masyarakat. Vol. 6. No. 1. Kemala Indonesia. Hlm. 18.

<sup>22</sup> Lihat: Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejangat*. Op. Cit. Hlm. 1 dan 3.

<sup>23</sup> Dr. Haji Abd Rahman bin Haji Hamzah. (2016). *Institusi Seni Khat Dari Semenanjung Tanah Arab Ke Yayasan Restu*. Op. Cit. Hlm. 16.

<sup>24</sup> Rujuk: Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejangat*. Op. Cit. Hlm. 4.

<sup>25</sup> Lihat: Makmur Haji Harun. (2015). *Dinamika Perkembangan Seni Khat Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Restu (Malaysia) dan LEMKA (Indonesia)*. Op. Cit. Hlm. 4.

<sup>26</sup> Prof. Dr. Mahyuddin bin Haji Yahaya. (2013). *Umran Alam Wadah Pembangunan Alam*. Cetakan Pertama. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Hlm. 217 dan (2011). *Tamadun Melayu Islam Di Alam Melayu: Kes Brunei Darussalam*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. Hlm. 29

<sup>27</sup> Lihat: Khairiah binti Mohammad, Khazri bin Osman dan Anuar bin Puteh. (2018). *Sejarah Perkembangan Seni Khat Dalam Kesenian Islam di Nusantara*. Op. Cit. Hlm. 20 dan

menyatakan mengenai perkembangan seni khat di Nusantara seperti berikut<sup>28</sup>:

*“Tulisan Jawi dapat terwujud menjadi khat Kūfi, Naskhi dan corak-corak lainnya. Khususnya di Malaysia masih sering digunakan untuk menulis buku-buku naskah, buku-buku agama, ditulis untuk lambang, semboyan pada lambang negara dan negeri serta masih banyak digunakan untuk keperluan lainnya. Sedangkan di Brunei Darussalam penggunaannya lebih memasyarakat seperti dicatatkan oleh seorang reporter di Ibumegara Bandar Seri Begawan bahawa: Papan tanda kedai/pejabat ditulis dengan huruf besar berbentuk tulisan Arab yang menggunakan kaligrafi mirip seperti yang ada di Saudi Arabia. Di Brunei Darussalam setiap kedai atau pejabat memiliki papan tanda besar ditulis dengan menggunakan dua jenis tulisan iaitu huruf Arab di bahagian atas dan huruf latin (rumi) di bahagian bawah. Tulisan Arab yang isinya bahasa Melayu itu mereka namakan huruf Jawi”.*

Sepintas lalu, tulisan Jawi berasal daripada tulisan Arab dan huruf-huruf Arab yang dimasukkan ke dalam sistem penulisan bahasa Melayu. Kemunculan tulisan ini serentak dengan kedatangan agama Islam ke Nusantara yang mana tulisan ini telah digunakan di dalam kitab-kitab agama.<sup>29</sup> Manakala frasa tulisan Jawi pula merujuk kepada bahasa Melayu yang ditulis menggunakan huruf Arab.<sup>30</sup> Perkara mengenai tulisan Jawi ini ada dinyatakan oleh Syed Naquib al-Attas dalam buku *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*, antaranya<sup>31</sup>:

*“Kedatangan Islam telah membawa bersamanya tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu dan mempunyai tambahan beberapa huruf istimewa bagi bahasa itu. Dan nampaknya tulisan Jawi inilah yang mengikat perpaduan satu bahasa meliputi seluruh kepulauan bangsa Melayu”.*

---

Makmur Haji Harun. (2015). *Dinamika Perkembangan Seni Khat Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Restu (Malaysia) dan LEMKA (Indonesia)*. Op. Cit. Hlm. 6.

<sup>28</sup> Rujuk: Makmur Haji Harun. (2015). *Dinamika Perkembangan Seni Khat Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Restu (Malaysia) dan LEMKA (Indonesia)*. Op. Cit. Hlm. 6-7.

<sup>29</sup> Prof. Dr. Mahyuddin bin Haji Yahaya. (2015). *Ensiklopedia Negara Zikir. Jilid 1: Pengenalan*. Cetakan pertama. Brunei: UNISSA Press. Hlm. 201.

<sup>30</sup> Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejangat*. Op. Cit. Hlm. 124.

<sup>31</sup> Rujuk: Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman. (2011). *Tamadun Melayu Islam Di Alam Melayu: Kes Brunei Darussalam*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. Hlm. 64.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, tulisan Jawi adalah lebih dekat dengan masyarakat Melayu-Brunei yang mana tulisan ini sudah dikenali semenjak kurun ke-15 masihi lagi. Ini terbukti dengan terpahatnya tulisan tersebut di batu-batuan seperti nisan kepunyaan Sultan Syarif Ali dan lain-lain. Manakala dalam kurun ke-16 dan 17 masihi, penggunaan tulisan Jawi semakin meluas yang mana tulisan ini telah digunakan dalam penulisan syair, salasilah, surat-surat perjanjian, dokumen-dokumen dan seumpamanya. Ini dibuktikan sendiri oleh dokumen-dokumen lama seperti Silsilah Raja-Raja Brunei, Hukum Kanun Brunei dan lain-lain. Dengan yang demikian menunjukkan bahawa tulisan Jawi dilihat lebih mendapat kedudukan yang tinggi pada masa itu.<sup>32</sup>

Walaubagaimanapun penggunaan tulisan Jawi secara langsung bermaksud mengguna dan menyebarkan seni khat sekurang-kurangnya dalam konteks kaedah yang paling minimum. Adalah mustahil untuk membayangkan seseorang menulis menggunakan tulisan Jawi atau bahasa Arab tanpa mengikut kaedah khat tertentu.<sup>33</sup> Ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi mempunyai kaitan dan hubungan yang unik dan tersendiri dengan seni khat. Secara amnya, gaya khat yang paling kerap digunakan dalam konteks tulisan Jawi di Brunei ialah khat nasakh yang mana penggunaannya dapat dilihat melalui papan-papan tanda, papan nama syarikat dan perniagaan, bangunan-bangunan kerajaan dan seumpamanya.<sup>34</sup> Sesuai sebagai sebuah negara Islam yang menghayati falsafah Melayu Islam Beraja, tulisan Jawi telah diletakkan di tempat yang paling atas berbanding dengan lain-lain tulisan dalam semua urusan termasuk persuratan, papan-papan kenyataan dan diberi kuatkuasa undang-undang.<sup>35</sup> Melalui ini dapatlah difahami bahawa seni khat dalam konteks tulisan Jawi di negara ini secara tidak langsung telah berkembang dari masa ke semasa tetapi penggunaan kaedah seni khat tersebut adalah pada tahap yang minimum.

Tidak dinafikan pengaruh globalisasi telah menyebabkan tulisan Jawi semakin terhakis di kebanyakan negara melayu, tidak terkecuali Brunei juga turut menerima kesannya. Oleh itu, perlunya kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat untuk bersatu bagi mendokong dan menyokong usaha menghidupkan dan mengembalikan

---

<sup>32</sup> *Ibid*. Hlm. 64-65.

<sup>33</sup> Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejangat*. Op. Cit. Hlm. 130.

<sup>34</sup> Temubual bersama Hamdy bin Emran, Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam pada 12 Mei 2020 bertempat di bilik kuliah 2, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

<sup>35</sup> Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman. (2011). *Tamadun Melayu Islam Di Alam Melayu: Kes Brunei Darussalam*. Op. Cit. Hlm 65.

kegemilangan tulisan Jawi. Adalah menjadi tanggungjawab untuk memartabatkan semula tulisan Jawi kerana ia bukan sahaja suatu kemahiran, malah sebagai suatu ilmu.<sup>36</sup> Jika diamati dengan teliti, seni khat sememangnya memberi kesan terhadap masyarakat Melayu kerana wujudnya kesinambungan yang mampu menghasilkan manfaat dan impak yang besar apabila seni khat diberikan perhatian yang sewajarnya, antaranya ialah memperkukuh tulisan Jawi, mengukuhkan identiti orang Melayu Islam, mengingatkan manusia kepada Al-Quran dan penyatu umat Islam.<sup>37</sup>

Perkara mengenai pentingnya memelihara dan menghayati tulisan Jawi ini ada dinyatakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran, Bahagian Dewasa Peingkat Kebangsaan pada 14 Januari 1991, antaranya:

*"Beta yakin banyak hal yang relevan untuk kita buat bersesuaian dengan rancangan ini seperti memaju dan mengembangkan lagi tulisan Jawi sebagai tulisan al-Quran, tulisan agama dan juga tulisan nasional.*

*Kita adalah tidak mahu untuk kehilangan tulisan Jawi, sebab inilah satu-satunya yang agung dan besar dari warisan yang masih tinggal boleh kita banggakan. Kehilangan tulisan ini akan banyak menjejaskan kepentingan kita seperti pudarnya semangat nasional dan binasanya agama, fungsi tulisan ini juga mendukung kedua-dua perkara tersebut.*

*Sesungguhnya kita bukanlah menolak rumi sebagai budaya universal tetapi nisbah kepada kita orang Islam dan orang Brunei, maka Jawi itu adalah mustahak hidup dan diberi nafas selaras dengan tulisan rumi".<sup>38</sup>*

Pada tahun 2007, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengemukakan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei sebuah Negara Zikir. Hasrat ini bertujuan untuk meletakkan dan mengangkat Islam ditempat yang sepatutnya iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam mahu membina dan membangunkan sebuah negara yang mematuhi nilai-nilai Islam dengan rakyatnya sentiasa dipandu oleh kesedaran dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Pengisytiharan mengenai Negara Zikir ini ada dinyatakan melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidil Adha tahun 1428hijrah bersamaan 2007masihi, antaranya:

*"Beta Insyallah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah "Negara Zikir" yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaanNya, sesuai dengan JanjiNya di dalam surah al-Baqarah, ayat 152, tafsirnya "Kamu ingati Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula".<sup>39</sup>*

Jika diamati dengan teliti, pengisytiharan dan keazaman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara Brunei Darussalam sebuah negara zikir merupakan satu langkah untuk mendaulatkan Islam bagi meraih keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Pengisytiharan ini juga secara tidak langsung telah mengukuhkan lagi usaha dalam memartabatkan seni khat secara khasnya dan tulisan Jawi secara amnya. Ini dapat dilihat melalui resolusi seminar Negara Zikir sempena Majlis Ilmu 2008 yang bertema "Menghayati Negara Zikir" telah merumuskan bahawa seni khat juga dapat dianggap sebagai zikir visual jika ia menekankan kepada perkara-perkara yang menyentuh tentang keesaan dan keagungan Allah Subhanahu Wata'ala, menyentuh konsep tauhid, dan mengambil sumbernya daripada al-Quran dan as-Sunnah.<sup>40</sup>

Sejak tahun 1985 sehingga kini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan seni khat dan tulisan Jawi terus berkembang di negara ini, antaranya; Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan sekolah-sekolah Arab serta Kementerian Pendidikan melalui Universiti Islam Sultan Sharif Ali; dan Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Jabatan Perkembangan Kurikulum. Selain itu, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan juga memainkan peranannya melalui Dewan Bahasa dan Pustaka serta Pusat Sejarah Brunei. Dalam pada itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga tidak ketinggalan

<sup>36</sup> Lihat: *Ibid.* Hlm. 65 dan Prof. Dr. Mahyuddin bin Haji Yahaya. (2015). *Ensiklopedia Negara Zikir. Jilid 1: Pengenalan. Op. Cit.* Hlm. 200.

<sup>37</sup> Lihat: Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejagat. Op. Cit.* Hlm. 147.

<sup>38</sup> Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman. (2011). *Tamadun Melayu Islam Di Alam Melayu: Kes Brunei Darussalam. Op. Cit.* Hlm 66.

<sup>39</sup> Unit Penerbitan Melayu. (2016). *Kumpulan Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2007.* Cetakan Pertama. Brunei: Jabatan Penerangan. Hlm. 103.

<sup>40</sup> Resolusi Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008. (2010). *Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan.* Brunei: Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 313.

berperanan dengan menubuhkan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (PPKKI-YSHHB) sebagai pusat tumpuan mengenai seni khat dan rekabentuk Islam di negara ini.

### **Usaha Pihak Kerajaan Dalam Memperkembangkan Seni Khat di Brunei Darussalam**

Seni khat merupakan elemen utama dalam kesenian Islam yang berperanan besar dalam dakwah dan keindahan Islam. Dengan itu, seni khat telah mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan terutama Pusat Da'wah Islamiah. Bermula pada tahun 1985, Peraduan Menulis Khat ASEAN telah dianjurkan buat pertama kalinya dengan bertemakan 'Dakwah Melalui Keindahan Seni Khat'. Peraduan ini bertujuan untuk memperkembangkan seni khat Islam, menjadi alat pengalok kepada penyebaran tulisan Jawi dan mendekatkan umat Islam untuk menikmati keindahan seni khat yang telah berjaya menarik minat para penulis khat dari negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina serta sekaligus menjadi suatu petanda bahawa sambutan umat Islam khususnya dalam meminati dan menghayati seni khat masih wujud di rantau ini.<sup>41</sup>

Dalam pada itu, Pusat Da'wah Islamiah juga melaksanakan aktiviti yang lebih dekat dengan masyarakat Brunei dengan mengadakan Peraduan Menulis Seni Khat Jawi Kebangsaan yang mula dianjurkan pada tahun 2000 dan penyertaannya hanya dibukakan kepada rakyat dan penduduk di negara Brunei Darussalam sahaja. Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada penggiat seni khat jawi tempatan untuk meningkatkan kemahiran penulisan mereka ke arah yang lebih bermutu agar setanding dengan penulis-penulis khat dalam kalangan negara-negara ASEAN. Di samping itu, Pusat Da'wah Islamiah juga telah melaksanakan beberapa bengkel, antaranya ialah bengkel penulisan seni khat jawi peringkat lanjutan bermula pada tahun 1997, bengkel penulisan seni khat jawi peringkat asas pada tahun 1999 dan bengkel penulisan seni khat jawi peringkat asas bagi penuntut-penuntut sekolah yang bermula pada November 2001. Selain itu, Pusat Da'wah Islamiah juga pernah mengundang beberapa pakar khat untuk membimbing bengkel tahsinul khat dan bengkel peringkat lanjutan, antaranya ialah Farid Abdul Rahim Al-Ali dan Jasim Mi'raj dari negara Kuwait

serta Abdul Baki bin Abu Bakar dari negara Malaysia.<sup>42</sup>

Perkembangan seni khat juga dapat dilihat dalam bidang pendidikan yang mana seni khat telah dijadikan subjek yang lebih menjurus kepada subjek yang berbentuk praktikal dan diajarkan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah Arab. Manakala Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah menjadikan seni khat sebagai satu nadi dalam program dan aktiviti kokurikulum bagi pengembangan potensi diri<sup>43</sup>; di samping menjadikan seni khat sebagai satu kursus dalam minor pendidikan seni Islam bagi ijazah sarjana muda perguruan ugama (pendidikan Islam) dengan minor.<sup>44</sup> Selain itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali juga menjadikan seni khat sebagai bengkel yang menjadi pilihan bagi para pelajar untuk mengikutinya. Pada masa yang sama, kedua-dua Institusi Pengajian Tinggi Islam ini juga menyetengahkan seni khat dalam bentuk yang lebih dekat dengan masyarakat, antaranya seperti pertandingan seni khat bersempena pesta konvokesyen dan memupuk semangat patriotisme melalui kesenian sempena majlis kesenian dan kebudayaan Islam. Di samping itu, Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan juga tidak ketinggalan untuk mengadakan bengkel seni khat Jawi bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah kerajaan senegara secara berfasa yang bertujuan untuk membantu dalam pengajaran tulisan Jawi dan seni khat kepada para pelajar di samping memperkembang dan memperkasa syiar Islam, seni dan budaya masyarakat Islam di negara ini.<sup>45</sup>

Sementara itu, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka juga pernah mengadakan bengkel seni khat jawi tanjizul lauhah yang menyetengahkan mengenai cara-cara pelaksanaan dan penyediaan sebuah karya khat khususnya khat nasakh dan thuluth; serta bengkel khat kontemporari yang menumpukan mengenai khat kreatif atas kanvas. Bersempena dengan pengiktirafan Bandar Seri Begawan sebagai ibu negara ketamadunan Islam bagi rantau asia 2019, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui Pusat Sejarah Brunei mengambil pendekatan yang berbeza dengan menganjurkan pameran bertemakan 'Melestari Sejarah Melalui Seni Kaligrafi Islam'.

<sup>41</sup> Lihat: Unit Penerbitan&Percetakan, Bahagian Kajian Penerbitan. (2005). *Koleksi Peraduan Menulis Khat ASEAN Tahun 1985-2004*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. Hlm. 1-5.

<sup>42</sup> Lihat: Unit Penerbitan, Pembahagian dan Pemasaran, Bahagian Kajian dan Penerbitan. (1434H/2013M). *Koleksi Peraduan Menulis Seni Khat Jawi Kebangsaan*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah. Hlm. xi-xii.

<sup>43</sup> www.kupu-sb.edu.bn. Tajuk: Pengembangan Potensi Diri.

<sup>44</sup> Bahagian Hal Ehwal Akademik. *Maklumat Pengajian Sesi Akademik 2019/2020*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan: Fakulti Pendidikan. Hlm. 14.

<sup>45</sup> Lihat: Petikan dari Pelita Brunei oleh Nooratiini Haji Abas bertarikh 9 Julai 2014. Tajuk: Memperkasa Tulisan Jawi, Seni Khat. Hlm. 6.

Pameran ini bertujuan untuk menengahkan sejarah melalui seni khat dalam usaha membantu mengangkat martabat seni khat khususnya dan tulisan Jawi amnya. Selain itu, pihak kementerian juga pernah mengadakan peraduan seni khat jawi kebangsaan bersempena dengan sambutan bulan bahasa.<sup>46</sup>

Bagi mengekalkan lagi kesenian Islam terutama seni khat sebagai satu peradaban dan warisan tamadun Islam di negara ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengorak langkah dengan menubuhkan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) pada tahun 2013. Secara umumnya, satu daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini adalah untuk memartabatkan tulisan Jawi dengan menjadikan seni khat sebagai asasnya. Ini menunjukkan bahawa penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) merupakan kesinambungan daripada usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama dalam mengembangkan, memelihara dan memartabatkan lagi tulisan Jawi sebagai identiti bangsa Melayu dan seni khat sebagai seni warisan Islam di negara ini.

#### **Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB)**

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 9 Rabiulakhir 1413 Hijrah bersamaan dengan 5 Oktober 1992 Masihi bersempena dengan sambutan Jubli Perak Baginda Sultan menaiki takhta, antaranya:

*"Maka disaat yang amat berbahagia ini, Beta dengan sukacita mengumumkan penubuhan sebuah Yayasan yang akan menjadi ristaan kekal zaman pemerintahan Beta. Yayasan ini akan berfungsi menurut dasar-dasar atau tujuan-tujuan yang telah ditetapkan, iaitu sebagai amal jariah ataupun derma khairat Beta dan Ahli Keluarga Beta. Ianya akan boleh menghulurkan derma bagi faedah-faedah keugamaan, kebajikan, pendidikan dan lain-lain seumpamanya.*

*Yayasan ini akan dipanggil dengan nama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah."<sup>47</sup>*

Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini merupakan wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan ahli keluarga Diraja Baginda sebagai tanda pemedulian dan kasih Baginda kepada rakyat yang sentiasa taat setia kepada Baginda dan kerajaan Baginda serta lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat di negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur serta keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini ditubuhkan di bawah satu akta yang digelar Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Penggala 166) yang mana penubuhannya adalah berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja berasaskan pada lima tujuan iaitu ugama, kebajikan, pendidikan, pembangunan dan kewangan. Sejak penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah dapat melaksanakan dan menjayakan rancangan, program, projek dan aktiviti di dalam membantu mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk serta menyumbang ke arah pembangunan dan perkembangan agama, bangsa dan negara.

Di dalam mencapai sasaran objektif penubuhan Yayasan, satu daripada operasi perkhidmatannya ialah Perkhidmatan Projek Khas. Perkhidmatan Projek Khas ini bertanggungjawab terhadap projek-projek khas yang dikendalikan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selain daripada projek-projek bantuan dan kebajikan yang lazim dilaksanakan sesuai dengan matlamat penubuhan Yayasan. Melalui Perkhidmatan Projek Khas ini, penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) merupakan satu daripadanya yang mana program-program yang dijalankan di dalam Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran golongan sasaran.<sup>48</sup>

Pada bulan Januari 2013, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang terletak di

<sup>46</sup> Lihat: Petikan dari Pelita Brunei oleh Dk. Vivvy Maleesa Pg. Ibrahim bertarikh 17 Januari 2015. Tajuk: Tulisan Jawi Sentiasa Dimartabatkan; dan Petikan dari Pelita Brunei oleh Marlinawaty Hussin bertarikh 20 April 2019. Tajuk: Melestari Sejarah Melalui Kaligrafi Islam.

<sup>47</sup> Rujuk: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. (2020). *Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025*. Brunei: Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 6.

<sup>48</sup> Lihat: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. (2020). *Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025*. *Op. Cit.* Hlm 19, 29 dan 68.



Rumah Semaun, Jalan Jerembak, Bandar Seri Begawan.



**Rajah 1:** Pintu Masuk Utama Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pusat ini dihasratkan menjadi sebagai sebuah pusat pengajian yang pertama di negara ini yang melahirkan tenaga pakar dari kalangan belia Islam tempatan dalam bidang seni Islam khususnya seni mushaf, kaligrafi dan seni hiasan Islam. Sebagai langkah awal ke arah melaksanakan penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini, satu jawatankuasa penubuhan telah dibentuk yang mana keahliannya adalah terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan. Daripada pembentukan jawatankuasa penubuhan ini, beberapa sesi lawatan kerja telah dilaksanakan di antara Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Yayasan Restu, Malaysia. Sesi lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk menyusun rancangan pelaksanaan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB).<sup>49</sup>

Dengan tertubuhnya Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini, pusat ini akan menjadi sebuah institusi yang menawarkan program pengajian dalam bidang seni Islam dan kaligrafi bagi mengembangkan lagi pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran seni Islam terutamanya seni mushaf, khat dan seni hiasan Islam dengan menggunakan aplikasi dan perisian teknologi terkini. Bagi melengkapi Pusat ini dengan tenaga manusia yang berkemahiran dalam bidang seni Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah membiayai seramai 11 orang pelajar bagi mengikuti program Diploma Seni Mushaf di Kolej Restu Shah Alam, Selangor Malaysia secara berperingkat-peringkat yang bermula pada tahun 2012. Daripada pembiayaan ini, seramai tujuh orang telah diambil berkhidmat di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

(PPKKI-YSHHB), tiga orang telah diambil berkhidmat di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan seorang lagi bekerja secara persendirian.<sup>50</sup>

Bagi memantapkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran mengenai Jawi dan khat, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) dengan kerjasama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah menganjurkan kursus pedagogi Jawi selama dua bulan yang bermula pada 16 Januari hingga 15 Mac 2017. Kursus ini diikuti oleh lepasan pelajar yang mengikuti Diploma Seni Mushaf di Kolej Restu, Malaysia. Matlamat utama kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengalaman, kualiti dan kemahiran dalam aspek pedagogi khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Jawi dan khat. Bukan itu sahaja, kursus ini juga bertujuan untuk memantapkan jati diri terhadap amanah dan tanggungjawab seorang pendidik dalam meningkatkan kualiti profesionalisme.<sup>51</sup>

Pada dasarnya, penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini merupakan salah satu komponen bagi membangun sebuah Negara Zikir dan juga mendokong satu daripada matlamat Wawasan Negara 2035 iaitu untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Di samping itu, penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini juga bertujuan untuk melahirkan tenaga pakar dalam kalangan rakyat Negara Brunei Darussalam sendiri dalam bidang seni Islam khususnya kaligrafi dan seni mushaf yang mana secara amnya belum dipelopori oleh mana-mana agensi secara serius serta menyokong usaha kerajaan dalam sama-sama meninggikan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam dengan menerokai bidang seni Islam.

Di dalam memastikan fungsi dan tugas yang telah ditentukan dapat dilaksanakan, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini mengandungi lima unit utama iaitu unit pengajian seni Islam, unit penyelidikan dan kajian, unit penerbitan dan penyebaran, unit perkembangan dan latihan serta unit pentadbiran. Di samping itu, di dalam menjadikan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) ini sebagai sebuah institusi pengajian dan penyebaran seni Islam, pusat ini telah menjalankan usaha-usaha berikut:

<sup>50</sup> Temubual bersama Hamdy bin Emran, Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam pada 12 Mei 2020 bertempat di bilik kuliah 2, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

<sup>51</sup> Lihat: Petikan dari Pelita Brunei oleh Rohani Haji Abdul Hamid bertarikh 15 Mac 2017. Tajuk: Mantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Jawi Dan Khat.

<sup>49</sup> www.yshhb.org.bn bertarikh 9 Mei 2013. Tajuk: Penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

- Menyelenggarakan kursus-kursus pengajian seni Islam khususnya seni mushaf, khat dan seni hiasan Islam;
- Membuat kajian tentang perkara-perkara yang berhubung dengan ilmu seni Islam;
- Mengusahakan penerbitan dan penyebaran yang berhubung dengan ilmu seni Islam;
- Menyelenggarakan kursus-kursus, bengkel-bengkel, seminar-seminar dan seumpamanya mengenai ilmu seni Islam.<sup>52</sup>

### **Sumbangan Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (PPKKI-YSHHB) Dalam Memartabatkan Seni Khat Di Brunei Darussalam**

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (PPKKI-YSHHB) sebagai sebuah institusi pengajian yang menawarkan program pengajian dan memberikan perkhidmatan dalam mengembangkan pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran mengenai seni Islam telah melaksanakan beberapa usaha yang mendorong kepada pemartabatan seni khat yang bersesuaian dalam konteks Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja terutama di dalam memartabatkan tulisan Jawi. Pada dasarnya, faktor penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (PPKKI-YSHHB) adalah bertujuan untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi melahirkan rakyat yang berkemahiran sejajar dengan Wawasan Brunei 2035. Dengan yang demikian, sumbangan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (PPKKI-YSHHB) perlu diketengahkan di dalam sama-sama berusaha memartabatkan lagi seni khat di negara ini.

#### **Pertama: Penandatanganan Memorandum Persefahaman**

Sejak penubuhannya, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (PPKKI-YSHHB) telah berhasil menjalin kerjasama melalui penandatanganan memorandum persefahaman dengan beberapa institusi yang berkaitan dengan bidang seni khat dan rekabentuk Islam, antaranya ialah Yayasan Restu, Malaysia, Pesantren Kaligrafi Al-Quran LEMKA, Indonesia dan *Organisation of Islamic Conference Research Centre*

*for Islamic History, Art and Culture* (IRCICA), Republik Turki.

Pada 26 Muharram 1434 bersamaan 10 Disember 2012, satu memorandum persefahaman telah ditandatangani diantara pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan pihak Yayasan Restu, Malaysia. Sepintas lalu, Yayasan Restu adalah sebuah badan bukan kerajaan yang bergiat dalam pengeluaran Al-Quran dan telah melatih ramai penulis khat Al-Quran melalui program-program yang diadakan di Kolej Restu. Manakala Kolej Restu pula merupakan sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kolej Restu adalah sebuah institusi pendidikan yang berteraskan kesenian Islam yang mana kolej ini tertubuh setelah terlaksananya projek Al-Quran Mushaf Malaysia yang dikendalikan oleh Yayasan Restu. Melalui projek tersebut, pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran seni Islam khususnya seni khat dan iluminasi Al-Quran telah berjaya diperkembangkan.<sup>53</sup>

Melalui penandatanganan memorandum persefahaman ini, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah telah mendapat kerjasama daripada Yayasan Restu, Malaysia dengan penghantaran pelajar-pelajar dari Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti kursus Diploma Seni Mushaf secara sepenuh masa selama dua setengah tahun di Kolej Restu, Shah Alam Selangor. Pengambilan pertama seramai tiga orang pelajar dari negara Brunei Darussalam ke Kolej Restu telah dilaksanakan dengan pelajar-pelajar tersebut telah menamatkan pengajian pada bulan Disember 2014. Seterusnya, pengambilan kedua seramai lima orang telah dilaksanakan pada bulan Jun 2013 dan telah menamatkan pengajian pada Disember 2015. Manakala pengambilan ketiga seramai tiga orang telah dilaksanakan pada Januari 2014 dan telah menamatkan pengajian pada Jun 2017. Selain itu, beberapa karya khat dari negara Malaysia juga ada ditempatkan dan dipamerkan di galeri pusat ini.<sup>54</sup>

Manakala penandatanganan memorandum persefahaman Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah dengan Pesantren Kaligrafi Al-Quran LEMKA, Indonesia dan *Organisation of Islamic Conference Research Centre for Islamic History, Art and Culture* (IRCICA), Republik Turki telah menempatkan beberapa artifak dan karya khat khas dari negara Indonesia dan Republik Turki untuk dipamerkan kepada pengunjung dalam dan luar negara. Satu daripadanya ialah cetakan Mushaf Al-Sharif yang

<sup>52</sup> www.yshhb.org.bn bertarikh 9 Mei 2013. Tajuk: Penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

<sup>53</sup> www.yshhb.org.bn bertarikh 9 Mei 2013. Tajuk: Penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

<sup>54</sup> Temubual bersama Hamdy bin Emran, Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam pada 12 Mei 2020 yang bertempat di bilik kuliah 2, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

mana mushaf ini merupakan penyalinan dan pembukuan Al-Quran pada zaman khalifah Sayyidina Uthman bin 'Affan Radiallahu 'anhu. Untuk pengetahuan bersama, beberapa naskah telah berhasil disalin dan dibukukan serta dikirimkan ke Mekah, Syam, Basrah, Kufah dan Madinah dengan tujuan dijadikan rujukan tunggal bagi penduduk di wilayah-wilayah tersebut. Walaubagaimanapun, sehingga kini dipercayai bahawa dua buah salinan asal sahaja yang tinggal yang tersimpan di muzium Topkapi, Istanbul Turki dan muzium Tashkent, Uzbekistan.<sup>55</sup>

## Kedua: Pelaksanaan Program, Aktiviti Dan Perkhidmatan

Sejak tahun 2017, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) telah menyediakan pelbagai program dan aktiviti memandangkan program-program pengajian secara formal masih di dalam perancangan. Satu daripadanya ialah kursus jangka pendek dalam penulisan khat, antaranya ialah kursus penulisan khat peringkat asas yang menumpukan mengenai pengenalan asas terhadap seni khat dari segi definisi, aspek alat tulis dan sebagainya serta pengajaran dan pembelajarannya pula menumpukan mengenai huruf-huruf tunggal; kursus penulisan khat peringkat lanjutan pula menumpukan kepada pengajaran dan pembelajaran mengenai huruf-huruf bersambung dalam bentuk ayat-ayat Al-Quran dan kursus rekabentuk seni Islam pula menumpukan mengenai asas seni Islam dari aspek ukiran, warna, motif dan lapisan.<sup>56</sup>

Di samping itu, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) juga melaksanakan aktiviti di luar pusat berkenaan dengan menyertai pameran terutama apabila berlangsungnya acara hari-hari kebesaran Islam.<sup>57</sup> Satu daripadanya ialah Pameran Jejak Seni Bina Islam bersempena dengan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi rantau Asia 2019 yang bertempat di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.<sup>58</sup> Dalam pada itu, pusat ini juga telah mengadakan pertandingan menulis khat dan kanvas kontemporari yang bertujuan untuk mengenalpasti individu-individu tempatan yang mempunyai bakat dalam

usaha melahirkan belia yang dapat menguasai ilmu kesenian Islam di samping meningkatkan kesedaran untuk menghayati nilai-nilai yang diterapkan khususnya seni khat.<sup>59</sup>

Selain itu, pusat ini juga ada mengadakan bengkel asas penulisan khat yang menumpukan kepada penulisan khat nasakh dan khat diwani jali. Bengkel ini bertujuan untuk menarik minat dalam kalangan belia untuk mengenali dan mempelajari seni khat melalui kaedah penulisan yang bersistematik.<sup>60</sup> Manakala dari segi perkhidmatan, pusat ini juga ada menawarkan perkhidmatan penyalinan buku-buku Yasin, Ratib, Dikir Syarafil Anam, takhtim, doa-doa yang mana rekabentuk dan penulisan buku-buku ini merupakan hasil tulisan tangan tenaga kerja pusat ini; disamping menghasilkan karya-karya khat berupa ayat-ayat dari kitab suci Al-Quran.<sup>61</sup>



**Rajah 2:** Sebahagian Hasil Perkhidmatan Tenaga Kerja Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kesinambungan daripada usaha yang dilakukan ini, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) sedang giat menggandakan usaha bagi memartabatkan lagi seni khat dalam kalangan masyarakat di negara ini melalui pelaksanaan rancangan utamanya pada tahun 2020 ini, antaranya;

**Pertama,** bengkel seni khat dan reka bentuk Islam yang mana bengkel ini menumpukan kepada pengajaran-pembelajaran mengenai seni khat diwani, seni khat nasakh, seni khat thuluth, seni rekabentuk Islam dalam sepuluh sesi setiap satu dan seni catan air dalam lapan sesi sahaja.

<sup>55</sup> Galeri Lauhah Al-Islamiah, Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB).

<sup>56</sup> Temubual bersama Hamdy bin Emran, Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam pada 12 Mei 2020 yang bertempat di bilik kuliah 2, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> Lihat: Petikan dari Media Permata oleh Yusrin Junaidi bertarikh 25 Mac 2019. Tajuk: Pamer Karya Seni Kaligrafi Islam.

<sup>59</sup> Risalah pertandingan seni khat anjuran Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Hlm. 2.

<sup>60</sup> [www.yshhb.org.bn](http://www.yshhb.org.bn) bertarikh 11 Mei 2018, Tajuk: Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan Bengkel Asas Seni Khat Diwani Jali; dan 4 Januari 2019, Tajuk: Bengkel Asas Khat Nasakh.

<sup>61</sup> Temubual bersama Hamdy bin Emran, Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam pada 19 Mei 2020 yang bertempat di bilik kuliah 2, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

**Kedua**, aktiviti tahunan yang juga dibahagikan kepada tiga iaitu pertandingan seni khat yang akan menyetengahkan individu-individu tempatan yang mempunyai bakat dalam penulisan khat yang sekaligus akan melahirkan belia-belia Islam di Negara Brunei Darussalam yang dapat menguasai ilmu seni Islam, Seminar Seni Islam Antarabangsa dengan mengundang pakar khattat dari luar negara seperti Turki, Mesir, Indonesia dan Malaysia untuk mengendalikannya bagi mengongsikan kemahiran dan pengetahuan serta pengalaman mereka terhadap seni khat Islam; dan pertemuan khattat tempatan dengan wujudkan perbincangan bagi pencambahan idea dalam kalangan khattat tempatan sebagai satu pendekatan ke arah memartabatkan seni khat di Negara Brunei Darussalam.<sup>62</sup>

### **Ketiga: Penubuhan Galeri Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam**

Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah merupakan perkhidmatan terbaru yang disediakan oleh Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB). Pada 10 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 5 Mac 2020 Masihi, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengadakan Majlis Perasmian Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang bertempat di Rumah Semaun, Jalan Jerembak, Bandar Seri Begawan.



**Rajah 3:** Pintu Masuk Utama Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam ini adalah satu pencapaian yang besar daripada Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) dalam memartabatkan seni khat di negara ini. Dengan itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah tersebut. Dengan perasmian ini, Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dihasratkan mampu menjadi sebuah pusat tumpuan mengenai kesenian Islam terutama di dalam mengasuh bakat dan kemahiran serta memupuk minat dalam kalangan anak tempatan khususnya dalam seni khat agar mereka dapat menandingi karya-karya serantau dan antarabangsa.<sup>63</sup>

Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini mempunyai tiga ruang utamanya iaitu Galeri Lauhah Al-Islamiah yang mempamerkan koleksi karya dan artifak dari luar negara seperti Turki, Malaysia, Indonesia dan Cina; di samping menyetengahkan mengenai "Khat Al-Mansub" iaitu tujuh seni khat yang sering digunakan dalam tamadun seni khat Islam. Galeri Lauhah Al-Islamiah ini juga menumpukan koleksi karya khat dan iluminasi (*zukhruf*) tenaga kerja Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang kebanyakannya menggunakan medium seperti kanvas dan *waraq muqahhar* yang dihasilkan secara tradisional. Di samping itu, Galeri Lauhah Al-Islamiah ini juga memaparkan hasil karya penulis tempatan yang pernah mengikuti pertandingan menulis khat dan kanvas kontemporari anjuran Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB).

Manakala Galeri Al-Aswad mempamerkan karya, artifak dan proses tulisan yang berhubungkait dengan perkembangan tulisan Jawi dalam sejarah kesultanan Brunei dengan menggunakan teknologi hologram. Sementara itu, Galeri At-Tasmeem mempamerkan koleksi hiasan dalaman (*Interior design*) melalui kolaborasi bersama pengusaha-pengusaha tempatan seperti *Mahkota Crystal* dengan menggabungkan hasil seni khat dan rekabentuk seni Islam dari Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB).

Di samping itu, Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini juga mempunyai kemudahan-kemudahan lain, antaranya; Bilik kuliah yang digunakan bagi mengadakan bengkel atau kursus asas dan lanjutan penulisan seni khat dan rekabentuk Islam dari

<sup>62</sup> Risalah Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Temubual bersama Hamdy bin Emran, Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam pada 19 Mei 2020 yang bertempat di bilik kuliah 2, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

<sup>63</sup> www.yshhb.org.bn bertarikh 5 Mac 2020. Tajuk: Majlis Perasmian Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) dan Pelancaran Buku Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025.

semasa ke semasa, Dewan Al-Ma-rifah yang digunakan sebagai dewan serbaguna bagi mengadakan sebarang bengkel, seminar dan forum. Manakala kedai cenderahati Semaun yang terdapat padanya produk-produk yang menggabungkan elemen kesenian Islam sama ada dalam rekabentuk mahupun penulisan khat; di samping menawarkan produk-produk hasil dari pengusaha-pengusaha tempatan seperti Mudaser, Pusat Bahagia, Oudh al-Aswad dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga Kafe Semaun yang menyediakan dan menghidangkan juadah makanan tempatan untuk dinikmati oleh para pengunjung dari dalam dan luar negara, Bilik Al-Muzakarah yang berkeluasan 84 meter persegi dengan suasana di dalamnya dihias rekabentuk seni Islam yang bersesuaian digunakan untuk mengadakan sebarang mesyuarat dan perbincangan serta Musolla disediakan untuk para pengunjung yang beragama Islam.<sup>64</sup>

## Penutup

Seni khat merupakan lambang keagungan masyarakat Islam yang mesti dipertahankan dan dilestarikan untuk menjadi warisan Islam kepada generasi akan datang. Ini kerana seni khat dapat menggerakkan manusia ke arah yang lebih positif dan membangun akhlak masyarakat dalam meraih ketakwaan dan pengabdian kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui pendekatan zikir visual. Dengan itu, sumbangan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (PPKKI-YSHHB) dalam usaha memartabatkan seni khat di negara ini amat signifikan terutama untuk melahirkan belia Islam tempatan yang berkemahiran dalam bidang kesenian Islam. Bagi memantapkan lagi pemartabatan seni khat ini, gabungan antara aspek teori dan praktikal adalah sangat diperlukan dalam menjayakannya. Oleh itu, kajian secara ilmiah mengenai seni khat terutama dalam konteks negara Brunei Darussalam perlu diperbanyakkan dan disalurkan melalui penerbitan. Dengan bermulanya pengajian secara formal di pusat ini nanti, "Jurnal Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam" secara tahunan boleh diketengahkan yang mana jurnal ini akan berperanan sebagai wadah ilmu untuk dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang. Dengan yang demikian, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (PPKKI-YSHHB) akan mampu melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran terutama dalam bidang seni Islam sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 sekaligus mendokong aspirasi negara untuk menjadi sebuah Negara Zikir.

<sup>64</sup> Risalah Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih dan Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (PPKKI-YSHHB).

## Bibliografi

- Arbak Othman. (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Cetakan Pertama. Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Bahagian Hal Ehwal Akademik. *Maklumat Pengajian Sesi Akademik 2019/2020*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan: Fakulti Pendidikan.
- Abd Rahman Hamzah. (2013). *Khat&Jawi: Mutiara Kesenian Islam Sejagat*. Cetakan Ketiga. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2016). *Institusi Seni Khat Dari Semenanjung Tanah Arab Ke Yayasan Restu*. Cetakan Pertama. Selangor: Kompleks Taman Seni Islam Selangor.
- D. Sirojuddin Ar. (1992). *Seni Kaligrafi Islam*. Pengantar; Prof. Drs. H. Ahmad Sadali. Cetakan Keempat. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih (PPKKI-YSHHB).
- Islah Gusmian. (1424H/2003M). *Kaligrafi Islam; Dari Nalar Seni Hingga Simbolisme Spiritual*. Al-Jami'ah. Vol. 41.
- Khairiah binti Mohammad, Khazri bin Osman dan Anuar bin Puteh. (2018). *Sejarah Perkembangan Seni Khat Dalam Kesenian Islam di Nusantara*. Fikiran Masyarakat. Vol. 6. No. 1. Kemala Indonesia.
- M.Ugur Derman. (2000). *Seni Khat Warisan Islam*. Terjemahan; Romzi Omar dan Fauzi Mustafa. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin bin Haji Yahaya. (2013). *Umran Alam Wadah Pembangunan Alam*. Cetakan Pertama. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- \_\_\_\_\_. (2015). *Ensiklopedia Negara Zikir. Jilid 1: Pengenalan*. Cetakan Pertama. Brunei: UNISSA Press.
- Makmur Haji Harun. (2015). *Dinamika Perkembangan Seni Khat Nusantara: Satu Kajian Perbandingan Antara Yayasan Restu (Malaysia) dan LEMKA (Indonesia)*. Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Maurice Waite. (1994). *The Little Oxford Dictionary*. Seventh Edition. Oxford: Clarendon Press.
- Muhammad Mansur Hamzah. (2012). *Qomusika*. Cetakan Pertama Mesir: Cairo.
- Pg. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman dan Prof. Dr. Mahyuddin bin Haji Yahaya.

(2011). *Tamadun Melayu Islam Di Alam Melayu: Kes Brunei Darussalam*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

Risalah pertandingan seni khat anjuran Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Rohi Baalbaki. (2012). *Al-Mawrid*. Cetakan Dua Puluh Empat. Beirut: Dar El-Ilm lilmayalin.

Ruzaika binti Omar Basaree dan Hasnul Jamal bin Saidon. (2010). *Seni Khat Sebagai Satu Bentuk Zikir Visual*. Seminar Majlis Ilmu 2008.

Unit Penerbitan Melayu. (2016). *Kumpulan Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2007*. Cetakan Pertama. Brunei: Jabatan Penerangan.

Unit Penerbitan&Percetakan, Bahagian Kajian Penerbitan. (2005). *Koleksi Peraduan Menulis Khat ASEAN Tahun 1985-2004*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

Unit Penerbitan, Pembahagian dan Pemasaran, Bahagian Kajian dan Penerbitan. (1434H/2013M). *Koleksi Peraduan Menulis Seni Khat Jawi Kebangsaan*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. (2020). *Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025*. Brunei: Jabatan Perdana Menteri.

(1435/2014). *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. Cetakan Pertama. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah.

(2010). *Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Pelaksanaan*. Brunei: Jabatan Perdana Menteri.

Temubual bersama Hamdy bin Emran, Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam pada 12 Mei 2020 dan 19 Mei 2020 bertempat di bilik kuliah 2, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Media Permata

Pelita Brunei

[www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

[www.yshhb.org.bn](http://www.yshhb.org.bn).